

## KESEDIAAN GURU DALAM PELAKSANAAN KEMAHIRAN BERFIKIR TERHADAP PENGAJARAN PENULISAN KARANGAN MURID BUKAN MELAYU

*Teachers` Readiness in Implementing Thinking Skills in Essay Writing Instruction for Non-Malay Students*

Abdul Rasid Jamian  
arasid@upm.edu.my

Shamsudin Othman  
shamsudean66@gmail.com

Azhar Md Sabil  
azharmdsabil@gmail.com

Juanes Masamin  
juanes@yahoo.com

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia, Malaysia.

### ABSTRAK

Kemahiran berfikir secara menyebatian dalam penulisan karangan mendapati memberi kesan terhadap pencapaian murid, terutamanya murid bukan Melayu. Sehubungan itu, guru-guru perlu mahir untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti cara guru-guru mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam pengajaran penulisan karangan untuk murid-murid bukan Melayu peringkat sekolah rendah tahun 5. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesediaan guru Bahasa Melayu terhadap kepentingan pengaplikasian kemahiran berfikir dalam penulisan karangan min adalah 4.14, (S.P. = .48). Selain itu, dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa guru-guru berpengetahuan dan faham tentang konsep mengaplikasikan kemahiran berfikir adalah pada tahap yang tinggi iaitu min 4.07, (S.P. = .54). Kesimpulannya, penguasaan kemahiran berfikir adalah penting untuk melahirkan murid-murid yang berkebolehan dan berketrampilan dalam menulis karangan khususnya dalam kalangan murid bukan Melayu untuk mengangkat martabat pendidikan bahasa Melayu bertaraf dunia.

**Kata kunci:** Kemahiran berfikir; penulisan karangan; murid-murid bukan Melayu sekolah kebangsaan; pencapaian penulisan karangan

### ABSTRACT

*Thinking skills inculcated in writing essay has compounding impact on students' achievement. Therefore, teachers need to be skillful to apply thinking skills in the teaching and learning of Malay Language especially among non-Malay pupils. This study was conducted to identify how teachers teaching thinking skills in essay writing for primary school non Malays pupils in standard 5. The findings indicated that teachers' perceptions of the importance of applying thinking skills in essay writing has the of mean 4.14, (SD = .48). In addition, the study also showed that teachers are knowledgeable and understand the concept of thinking skills are high mean 4.07 (SD = .54). In*

*conclusion, thinking skills is essential to produce students who are capable and competent in writing especially among non-malay students.*

**Keywords:** Thinking skills; essay writing; non-Malay students of national schools; essay writing achievement

## PENDAHULUAN

Kemahiran berfikir dijangka memberi kesan terhadap pencapaian murid sama ada secara langsung dalam pembelajaran Bahasa Melayu atau dalam penulisan karangan. Sehubungan itu, guru perlu mahir untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Maka menjadi peranan utama guru supaya dapat menyediakan persekitaran yang untuk suasana kemahiran berfikir di dalam bilik darjah agar dimanfaatkan terhadap pencapaian mereka.

Berdasarkan kajian yang dibuat berkaitan dengan kemahiran berfikir, guru-guru perlu bersedia untuk mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Mengikut teori fahaman behaviourisme faktor hubungan persekitaran dengan sikap dan konsep peneguhan ganjaran akan mempengaruhi sikap seseorang dalam perlakuan bahasa yang betul. Oleh hal yang demikian, pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pembelajaran penulisan karangan dapat mempengaruhi persekitaran murid untuk mewujudkan suasana berfikir dengan baik.

Kemahiran berfikir menyediakan generasi pada masa kini untuk menghadapi kehidupan yang penuh mencabar dalam era perkembangan teknologi termasuk perubahan dan perkembangan pelbagai budaya. Kemahiran berfikir sangat penting dikuasai oleh setiap individu supaya mampu menghadapi segala cabaran pada abad yang ke-21 yang penuh dengan cabaran. Pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pengajaran penulisan karangan adalah proses persediaan murid untuk menghasilkan penulisan karangan yang baik. Kemahiran berfikir digunakan dalam penulisan karangan supaya dapat menstrukturkan isi karangan dengan kemas dan teratur susunan isi, huraian dan contoh-contoh yang dikemukakan. Penguasaan kemahiran berfikir dalam pembelajaran membolehkan idea dapat disampaikan dalam bentuk perkataan, frasa dan ayat dengan gaya persembahan yang baik. Aktiviti mengarang melibatkan kemahiran menulis untuk pelbagai tujuan dan konteks. Kemahiran menulis karangan perlu diajarkan dan dikuasai sebelum murid dapat menulis karangan dengan baik dan berkesan. Penulisan karangan merupakan antara kemahiran bahasa dalam komponen pendidikan yang formal.

Pengajaran karangan di dalam bilik darjah, bermaksud penceritaan sesuatu tajuk dalam bentuk ayat secara bertulis dan berperenggan yang dimulakan dengan pengenalan, isi dan kesimpulan. Kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis memainkan peranan yang sangat penting serta perlu dikuasai dan diajarkan oleh guru kepada murid supaya dapat menghasilkan satu karangan yang baik. Kemahiran itu perlu diajarkan secara berperingkat-peringkat untuk memastikan agar asas kemahiran menulis karangan kukuh. Antara keempat-empat kemahiran itu, kemahiran menulis adalah kemahiran yang kompleks.

Pengajaran karangan meliputi pengaplikasian aspek-aspek bahasa yang lain seperti pengajaran tatabahasa, ejaan dan semantik. Melalui pengajaran karangan, murid-murid dilatih untuk mengungkapkan gagasan fikiran dengan tepat dan jelas tentang pelbagai perkara, baik yang berbentuk akademik ataupun kegiatan harian dan pengalaman yang ditulis dalam penulisan yang pelbagai jenis untuk disampaikan kepada pembaca. (Roselan Baki, 2003)

Kesimpulannya, kemahiran berfikir yang perlu diajarkan oleh guru semasa mengajar penulisan karangan untuk melihat kesan dan impak selepas digunakan, iaitu membuat keputusan, menyelesaikan masalah, pengelasan, membanding membeza dan memberi penerangan yang berkesan. Penulisan karangan juga bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehan berfikir aras tinggi.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pengajaran penulisan karangan bahasa Melayu sekolah rendah bertujuan untuk membolehkan murid-murid memberi hujah dan pendapat yang kritis dan kreatif terhadap pelbagai situasi yang mereka hadapi. Di samping itu, murid-murid juga dapat membuat penilaian dan rumusan yang sewajarnya terhadap pelbagai bahan yang dibaca. Pemikiran kritis dan kreatif perlu diajar dalam kalangan murid-murid secara sedar dan terancang oleh guru semasa mengajar penulisan karangan. Reformasi yang berlaku dalam kurikulum Bahasa Melayu yang melibatkan perubahan kandungan, pendekatan dan kaedah penyebarannya memerlukan murid-murid mempunyai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Namun begitu, masih terdapat dalam kalangan guru Bahasa Melayu yang menganggap perubahan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan dalam sukatuan pelajaran sahaja dan dianggap sebagai perubahan kandungan sahaja, sedangkan aspek pendekatan dan kaedah penyebarannya kurang mendapat perhatian daripada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu terutamanya dalam mengajar penulisan karangan.

Selain itu, masalah dalam penulisan karangan juga disebabkan ketidakupayaan murid-murid untuk menguasai bidang penulisan karangan secara keseluruhan yang berpunca daripada kurangnya isi penting yang berkaitan dengan tajuk. Sehubungan itu, kekurangan bahan rangsangan yang digunakan oleh guru semasa mengajar juga menjadi salah satu sebab mengapa kelemahan dalam penulisan karangan perlu dibaiki untuk mengatasi kelemahan ini. Menurut Abdul Rasid Jamian dan Arbaie Sujud (2001) bahan rangsangan boleh membentuk pelbagai tingkah laku dan akhirnya menjana pelbagai aktiviti seperti pembentukan isi, pemilihan kosa kata, ekspresi ayat dan gaya penulisan bagi membantu kepada gaya penulisan yang baik. Selain itu, kekurangan dorongan dan rangsangan daripada guru menyebabkan murid-murid tidak dapat menghasilkan karangan dengan baik. Hal ini juga menyebabkan daya intelek mereka dalam mencuba bentuk karangan baharu tidak dapat dipraktikkan kerana kurangnya rangsangan daripada guru bagi membantu mengungkapkan idea dan menjana isi sesebuah karangan.

Kelemahan penguasaan dalam aspek tatabahasa dalam penulisan karangan juga merupakan masalah yang dihadapi oleh murid. Dalam konteks penulisan yang baik penguasaan aspek tatabahasa merupakan komponen yang sangat penting yang menentukan kualiti karangan yang dihasilkan oleh murid. Kemahiran dan penguasaan tatabahasa merupakan penentu kepada pencapaian hasil tulisan karangan murid. Ini dapat dikaitkan dengan perkembangan dan pertumbuhan minda murid-murid. Mereka mestilah mampu berfikir dan memberi sumbangan secara kreatif dan inovatif dalam pelaksanaan proses pembelajaran di bilik darjah termasuk dalam penulisan karangan. Pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pengajaran karangan oleh guru semasa mengajar dapat membantu murid melahirkan idea yang lebih kreatif.

Menurut Burbach et al. (2004), pemikiran kritis dilihat sebagai matlamat tertinggi dalam pendidikan tetapi jarang dikaitkan sebagai satu hasil. Dalam kajiannya, menentukan sama ada aktiviti pembelajaran dalam kursus pengenalan kepimpinan meningkatkan pemikiran kritis. Dapatan kajiannya mendapati kaedah pengajaran yang digunakan dapat meningkatkan kemahiran berfikir kritis. Bagi Mendelman (2007) pula pemikiran kritis sepatutnya diajar dalam semua kursus kemanusiaan kerana pemikiran kritis digunakan sebagai kayu ukur untuk membuat pertimbangan. Walau bagaimanapun secara praktikalnya, majoriti sekolah gagal mengajar pemikiran kritis, sebagai kesannya majoriti penduduk tidak mengamalkan kemahiran berfikir tahap tinggi.

Pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pengajaran masih kurang ditekankan penggunaannya oleh guru-guru ketika mengajar penulisan karangan bahasa Melayu. Walaupun tidak dapat dinafikan telah wujud pengajaran yang mempunyai ciri-ciri kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam kalangan guru secara tidak langsung. Namun pengaplikasiannya dalam penulisan karangan masih kurang digunakan. Berdasarkan kelemahan penguasaan murid dalam kemahiran penulisan karangan yang disebabkan oleh kelemahan memberi isi, membuat perangan dan juga masalah dalam penguasaan serta kurangnya pendedahan kemahiran menulis karangan khususnya kemahiran berfikir yang

kurang ditekankan oleh guru ketika mengajar penulisan karangan perlu dikaji dari semasa ke semasa.

## OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya objektif kajian ini untuk mengenal pasti pengaplikasian kemahiran berfikir dalam meningkatkan pencapaian dalam penulisan karangan murid-murid bukan Melayu. Manakala objektif secara khususnya pula adalah untuk:

1. Mengenal pasti kesediaan guru Bahasa Melayu terhadap pengaplikasian kemahiran berfikir dalam penulisan karangan murid bukan Melayu.
2. Mengkaji keberkesanan kemahiran berfikir dalam pengajaran penulisan karangan dalam aspek pengetahuan dan kefahaman guru terhadap murid bukan Melayu.

## Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan dalam kajian ini adalah:

1. Apakah kesediaan guru Bahasa Melayu terhadap pengaplikasian kemahiran berfikir dalam penulisan karangan murid bukan Melayu?
2. Sejauh manakah pengetahuan dan kefahaman guru terhadap keberkesanan kemahiran berfikir dalam pengajaran penulisan karangan terhadap murid bukan Melayu?

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk deskriptif. Kajian deskriptif sangat popular bagi menjelaskan sesuatu fenomena pendidikan. Menurut Mohd Majid Konting (2005), penyelidikan deskriptif digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang kesediaan guru menjalankan kemahiran berfikir dalam pengajaran penulisan. Hal ini adalah fenomena yang pengkaji hendak melakukan kajian sama ada pengaplikasian kemahiran berfikir memberi kesan terhadap penulisan karangan murid-murid di sekolah rendah. Kaedah soal selidik dipilih dan digunakan sebagai kaedah pengumpulan maklumat kerana kajian melibatkan responden yang ramai serta dapat menjimatkan masa. Berdasarkan data yang diperoleh melalui soal selidik akan dianalisis menggunakan pengaturcaraan SPSS yang menghasilkan data min dan sisihan piawai.

## Populasi Kajian

Populasi kajian ini dijalankan di sekolah kebangsaan di daerah Tuaran, Sabah. Populasi kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu Tahun Lima sahaja di setiap sekolah yang dikaji. Seramai 75 orang guru yang mengajar bahasa Melayu di sekolah daerah Tuaran yang terlibat dalam mengajar Bahasa Melayu Tahun Lima di daerah Tuaran sebagai responden. Populasi kajian meliputi semua guru yang menjawat pelbagai jawatan di sekolah yang mengajar Bahasa Melayu seperti Guru Penolong Kanan, Ketua Bidang, ketua panitia, guru tingkatan, dan guru di setiap sekolah yang dikaji.

## **Pemprosesan Data dan Analisis**

Terdapat sebanyak lima item untuk bahagian latar belakang responden, 19 item berkaitan dengan jenis-jenis dan kekerapan guru menggunakan kemahiran berfikir kreatif dan kritis (KBKK) yang terbahagi kepada kemahiran kritis dan kemahiran kreatif, 21 item penggunaan unsur-unsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dan 18 item keberkesanan penggunaan unsur-unsur kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dapat meningkatkan kemahiran dan pencapaian murid dalam penulisan karangan. Bagi setiap item soal selidik terdapat ruangan kotak [ / ] untuk ditandakan oleh responden mengikut arahan yang telah dinyatakan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatkan kajian ini telah menunjukkan beberapa data yang boleh dianalisis dengan lebih komprehensif. Terdapat tiga bahagian dapatan, iaitu demografi responden, kesediaan guru terhadap pengaplikasian kemahiran berfikir dalam penulisan karangan murid bukan Melayu, serta pengetahuan dan kefahaman guru terhadap keberkesanan pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pengajaran penulisan karangan.

### **Demografi Responden**

Seramai 75 orang responden telah dipilih untuk kajian ini, iaitu terdiri daripada 36 guru lelaki dan 39 guru perempuan yang mengajar Bahasa Melayu tahun 5. Kesemua responden mengajar di sekolah luar bandar di daerah Tuaran, Sabah. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 62 orang guru bahasa Melayu yang memiliki pengkhususan akademik dalam Bahasa Melayu, manakala 13 responden lagi adalah terdiri daripada kumpulan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu tetapi tidak memiliki pengkhususan akademik bukan opsyen Bahasa Melayu. Pengkaji juga memperoleh dapatan dari pengalaman mengajar responden, dapatan menunjukkan bahawa seramai 26 guru (34.7%) berpengalaman selama 11 hingga 15 tahun. Ini diikuti guru yang berpengalaman selama 16 hingga 20 tahun seramai 17 orang (22.7%). Seramai 14 guru (18.7%) berpengalaman selama 1 hingga 5 tahun dan 6 hingga 10 tahun pula seramai 11 orang (14.7%). Terdapat juga 7 guru (9.3%) yang mempunyai pengalaman selama 20 tahun ke atas.

Dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa seramai 61 guru pernah mendapat pendedahan tentang kemahiran berfikir dan selebihnya tidak pernah mengikut sebarang kursus pendedahan tentang pengaplikasian kemahiran berfikir. Para guru mendapat pendedahan tentang kemahiran berfikir melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Institusi Perguruan Malaysia dan juga kursus perkembangan staf anjuran sekolah.

### **Kesediaan Guru Terhadap Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Dalam Penulisan Karangan Murid Bukan Melayu**

Berdasarkan dapatan kajian yang berkaitan dengan kesediaan guru terhadap pengaplikasian kemahiran berfikir dalam penulisan karangan murid-murid bukan Melayu sekolah rendah min keseluruhan berkaitan dengan persepsi guru Bahasa Melayu terhadap pengaplikasian kemahiran berfikir dalam penulisan karangan murid-murid sekolah rendah adalah 4.14, (S.P = .48). Dapatkan kajian yang menunjukkan bahawa KB sesuai untuk meningkatkan kemahiran murid-murid menjana idea baharu untuk membina perenggan karangan yang baik min = 4.61 (S.P = .49) adalah yang paling tinggi. Hal ini diikuti KB penting untuk meningkatkan kemahiran murid berfikir aras tinggi untuk menghasilkan penulisan yang baik iaitu min = 4.58 (S.P = .49) dan KB penting untuk meningkatkan kemahiran murid mengingat min = 4.49 (S.P = .52).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa guru mengaplikasi KB dalam pengajaran penulisan karangan mengikut kefahaman sendiri memperoleh min = 4.41 (S.P = .63). Selain itu, KB penting untuk meningkatkan kemahiran murid menulis karangan min = 4.25 (S.P = .65) dan KB sesuai untuk meningkatkan kemahiran murid menyampaikan idea yang jelas semasa membina perenggan memperoleh min = 4.22 (S.P = .58). Dapatan juga mendapati bahawa guru percaya KB dapat meningkatkan kemahiran murid menulis karangan secara kreatif dan kritis adalah min = 4.21 (S.P = .47). Akhirnya dapatan menunjukkan bahawa guru menggunakan KB untuk memudahkan murid-murid memahami cara penulisan karangan dengan baik memperoleh min = 4.20 (S.P = .59). Hal ini diikuti guru berkebolehan menggunakan KB dalam pengajaran penulisan karangan memperoleh min = 4.20 (S.P = .83) dan min 4.20 (S.P = .83) pula adalah untuk murid mempunyai kemahiran dan kecekapan bertindak menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam penulisan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengaplikasian kemahiran berfikir adalah boleh membantu murid-murid menjana dan menerokai idea baharu dalam penulisan karangan mereka.ujuk Jadual 1 di bawah:

**Jadual 1** Kesediaan Guru Terhadap Pengaplikasian Kemahiran Berfikir (KB)

Bil	Pernyataan	Min	SP
1.	KB sesuai untuk meningkatkan kemahiran murid-murid menjana idea baharu untuk membina perenggan karangan yang baik	4.61	.49
2.	KB penting untuk meningkatkan kemahiran murid berfikir aras tinggi untuk menghasilkan penulisan yang baik	4.58	.49
3.	KB penting untuk meningkatkan kemahiran murid mengingat	4.49	.52
4.	Saya mengaplikasi KB dalam pengajaran penulisan karangan mengikut kefahaman saya sendiri	4.41	.63
5.	KB penting untuk meningkatkan kemahiran murid menulis karangan	4.25	.65
6.	KB sesuai untuk meningkatkan kemahiran murid menyampaikan idea yang jelas semasa membina perenggan	4.22	.58
7.	Saya percaya KB dapat meningkatkan kemahiran murid menulis karangan secara kreatif dan kritis	4.21	.47
8.	Saya menggunakan KB untuk memudahkan murid-murid memahami cara penulisan karangan dengan baik	4.20	.59
9.	Saya berkebolehan menggunakan KB dalam pengajaran penulisan karangan	4.20	.65
10.	Murid mempunyai kemahiran dan kecekapan bertindak menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam penulisan	4.20	.83
<b>Keseluruhan</b>		<b>4.41</b>	<b>.48</b>

\*KB – Kemahiran berfikir

### **Pengetahuan dan Kefahaman Guru Terhadap Keberkesanan Pengaplikasian Kemahiran Berfikir dalam Pengajaran Penulisan Karangan**

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan dan kefahaman guru terhadap pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan mendapat persetujuan yang tinggi daripada responden dengan min 4.07 (S.P = .54) berdasarkan jadual 3 di atas. Sehubungan itu, pernyataan responden yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman terhadap konsep pengajaran dan pembelajaran kemahiran berfikir dalam penulisan karangan menunjukkan min yang paling tinggi, iaitu 4.46, (S.P = .60). Situasi ini menunjukkan bahawa para guru mempunyai kesedaran yang tinggi dalam mengaplikasikan kemahiran berfikir dalam pengajaran penulisan.

Seterusnya, dapatkan menunjukkan bahawa min 4.46 (S.P = .64) terhadap responden yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman mengaplikasikan kemahiran berfikir untuk menyelesaikan masalah dalam pengajaran penulisan karangan. Dapatkan ini diikuti dengan min 4.40 (S.P = .61) yang memberi kesan baik dalam pengajaran penulisan karangan. Selain itu, dapatkan juga mendapati bahawa responden berpengetahuan dan berkefahaman untuk menggunakan konsep peta minda dalam pengajaran penulisan karangan dengan min 4.18 (S.P = .72). Dapatkan responden yang menggunakan soalan bercapah dalam pengajaran penulisan karangan memperoleh min 4.12 (S.P = .77). Akhirnya, responden juga menyatakan berpengetahuan dan berkefahaman tentang menggunakan borang pengurusan grafik dalam pengajaran penulisan karangan memperoleh min 3.82 (S.P = .86). Oleh hal yang demikian, para guru mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam mengolah dan mengaplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Rujuk Jadual 2 di bawah.

**Jadual 2** Pengetahuan dan kefahaman guru terhadap keberkesanannya kemahiran berfikir

Bil	Pernyataan	Min	SP
	<b>Saya berpengetahuan dan faham untuk</b>		
1.	mengaplikasikan konsep pengajaran KB dalam penulisan karangan	4.46	.60
2.	mengaplikasikan KB untuk menyelesaikan masalah dalam pengajaran penulisan karangan	4.46	.64
3.	mengaplikasikan KB dalam pengajaran penulisan karangan	4.40	.61
4.	mengaplikasikan KB dalam pengajaran memberi kesan baik dalam pengajaran penulisan karangan	4.40	.78
5.	menggunakan jenis-jenis KB dalam penulisan karangan	4.18	.72
6.	menggunakan konsep peta minda dalam pengajaran penulisan karangan	4.18	.74
7.	menggunakan soalan bercapah dalam pengajaran penulisan karangan	4.12	.77
8.	menggunakan borang pengurusan grafik dalam pengajaran penulisan karangan	3.82	.86
	<b>Keseluruhan</b>	<b>4.07</b>	<b>.54</b>

## IMPLIKASI KAJIAN

Penulisan karangan merupakan kemahiran yang agak sukar dikuasai oleh murid kerana berkait rapat dengan operasi kognitif dan memerlukan kemahiran berfikir untuk menjana, menerokai idea-idea baharu dalam menghasilkan karangan yang baik. Kelemahan dalam penulisan akan memberi kesan terhadap pencapaian mereka. Penerapan amalan berfikir dalam pembelajaran Bahasa Melayu akan tercapai jika semua pihak berganding bahu dan berkeinginan untuk melihat kemahiran berfikir menjadi amalan kepada guru dan murid.

Dalam konteks pendidikan bahasa pada masa kini menjurus kepada keupayaan murid untuk menggunakan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis dalam penulisan karangan. Peranan guru sangat penting dalam usaha memenuhi keperluan ini. Kecekapan seseorang guru mengatur pelbagai strategi dalam pembelajaran akan memberi kesan kepada murid-murid. Di samping itu juga, peranan ibu bapa amat penting dalam merealisasikan program peningkatan kemahiran berfikir yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

## KESIMPULAN

Para guru Bahasa Melayu mempunyai kesediaan yang baik terhadap kepentingan kemahiran berfikir untuk diaplikasikan dalam penulisan karangan. Oleh hal yang demikian, guru juga menyatakan bahawa mereka mempunyai pengetahuan dan kefahaman terhadap pengaplikasian kemahiran berfikir dalam pembelajaran karangan. Ini selari dengan kehendak Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang memberi nilai tambah dalam kemahiran taakulan.

Menurut Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan (2007), kemahiran berfikir adalah salah satu kemahiran yang sangat penting. Kemahiran berfikir perlu dikuasai oleh semua murid untuk mereka mengemukakan idea semasa menulis karangan. Kecemerlangan dalam menulis adalah hasil dorongan ingatan dalam pembacaan. Kemahiran mengingat adalah keupayaan kognitif murid-murid untuk memproses penggarapan idea dalam penulisan.

Berdasarkan pelaksanaan kemahiran berfikir di dalam bilik darjah, para guru sepatutnya mempunyai pendekatan yang lebih komprehensif dan berkesan. Para guru juga mempunyai objektif yang lebih jelas dalam pelaksanaan kemahiran berfikir khususnya dalam penulisan karangan. Menurut Yahya Othman (2003), terdapat guru-guru mengendalikan pengajaran menggunakan kemahiran berfikir kreatif dan kritis (KBKK) mengikut kefahaman masing-masing. Namun begitu, dapatan kajian menunjukkan bahawa para guru mempunyai pengetahuan dan kefahaman dalam melaksanakan kemahiran berfikir di dalam bilik darjah. Ini diperoleh dengan mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkaitan. Jelas menunjukkan bahawa pendedahan yang lebih banyak dan kerap perlu diusahakan dan seterusnya diterjemahkan bagi memastikan kelangsungan matlamat kurikulum standard sekolah rendah tercapai.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian dan Arbaie Sujud. (2001). *Integrasi media: Pengajaran bahasa dan sastera*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Burbach et al. (2004). Teaching critical thinking in an introductory leadership course utilizing active learning strategies: A confirmatory study. <http://www.eric.ed.gov./ERICWebPortal/Home.portal?>
- Mendelman Lisa. (2007). Irst person: Critical thinking and reading.  
<http://www.eric.ed.gov./ERICWebPortal/Home.portal?>
- Mohd Majid Konting. (2005). *Penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Melayu: Senario teori dan panduan untuk guru dan pelajar*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Shahabuddin Hashim, Mahani Razali dan Ramlah Jantan. (2007). *Psikologi pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Yahya Othman. (2003). Pelaksanaan kemahiran berfikir dalam pengajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa..* Jil. 3. Bil.1.